

Gejala Masalah Sosial Terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf Kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan

Symptoms Of Social Problems Regarding The Named Lineage Of Illegitimate Children To Abdullah: National Fatwa Analysis

Muhammad Mustaqim Roslan

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
e-mail muhd.mustaqim@usas.edu.my

Published: 27 June 2023

To cite this article (APA): Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>

ABSTRAK

Kelahiran Anak Tak Sah Taraf (ATST) semakin membimbangkan apabila data menunjukkan kes-kes rogol sering meningkat saban hari. Anak-anak ini menjadi mangsa keadaan apabila penamaan nasab mereka tidak dapat dinamakan kepada bapa biologinya. Mereka didakwa melakukan pelbagai masalah sosial dalam tempoh tumbesaran akibat kekeliruan terhadap penamaan nasab mereka. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan kajian bagi masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST kepada Abdullah menunjukkan terdapat empat jenis masalah yang telah dikenal pasti. Kesemua masalah sosial yang dimaksudkan ialah penyalahgunaan dadah, merokok, bergaduh dan buli. Walaupun kesemua gejala itu tidaklah dihadapi secara keseluruhannya oleh setiap ATST menurut 12 sampel yang ditemu bual pengkaji, namun ia turut memberikan kesan kepada mereka apabila penamaan nasab mereka digantikan dengan nama Abdullah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

Kata kunci: *Abdullah, Fatwa kebangsaan, Masalah sosial, Nasab, Penamaan.*

ABSTRACT

The birth of illegitimate children (*Anak Tak Sah Taraf*, ATST) is becoming increasingly concerning as data shows that rape cases are increasing on a daily basis. These children are victims of circumstances in which their lineage naming cannot be attributed to their biological father. They were accused of committing various social problems while growing up due to confusion over their lineage's naming. In relation to that, the purpose of this article is to look at the social problems faced by ATST who use the name Abdullah to replace the mother's name as a legitimate line of descent. This study's philosophy is interpretive, and the research strategy is a case study. This study, too, used a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques and semi-structured question interviews. Once the document and interview data have been obtained, the document content analysis method is used again in the process of analysing these data, and the results are classified using the thematic method. The findings of the study for social problems related to the naming of the ATST lineage to Abdullah reveal four types of issues. All of the social issues in question are drug abuse, smoking, fighting, and bullying. Although not every ATST experiences all of these symptoms, according to the 12 samples interviewed by the researcher, it does affect them when their lineage naming is replaced by the name Abdullah. Therefore, this study suggests that the use of Abdullah's name to replace the mother's name as a legitimate line of descent to ATST be refined to reflect current reality.

Keywords: *Abdullah, National fatwa, Social problems, Lineage, Naming*

PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai "*walad zina*" yang membawa maksud "anak zina" dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ATST ini tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya dan keputusan ini turut disokong oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam 2020). Menurut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam membincangkan tentang isu penamaan nasab ATST ini, mendahului masalah umum iaitu menutup ruang-ruang zina sepatutnya menjadi perbincangan utama berbanding menutup malu ATST tersebut. Oleh yang demikian, ATST tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*Asma' al-Husna*" berpangkalan Abdul bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terkesan kepada diri mereka (JAKIM 2003).

Namun begitu, realiti yang berlaku kepada ATST ini adalah tidak selari dengan objektif dan matlamat asal seperti yang diputuskan dalam fatwa. Hasil tinjauan literatur-literatur lepas menunjukkan terdapat pelbagai kes buruk termasuklah masalah sosial yang didakwa melibatkan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah. Sebagai buktinya dalam kes penghakiman Mahkamah Rayuan bagi kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 terhadap permohonan ATST untuk tidak dinasabkan kepada Abdullah. Menurut mahkamah, menamakan anak luar nikah dengan nama Abdullah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibintikan kepada Abdullah sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah. Mereka yang dihina ini akan marah dan harga diri mereka terjejas dan ini secara

langsung boleh menyebabkan masalah kemurungan pada anak tersebut. Ada di antara mereka yang tidak mahu lagi ke sekolah dan mereka yang bijak pandai terpaksa berhenti sekolah akibat dipulau dan diejek kawan-kawan di sekolah (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan samada dakwaan yang dilontarkan oleh media di dada-dada akhbar mahupun di corong-corong radio adalah benar mahupun tuduhan semata-mata dengan niat menimbulkan provokasi dalam fatwa kebangsaan. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah kesannya kepada ATST memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah dalam fatwa penasaban ATST di Malaysia?

SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 oleh Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan (2018) yang berjudul **“Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui “Baby Hatch”: Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari’at dan Undang-Undang Malaysia”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, meskipun ATST lahir daripada perbuatan zina, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana bayi tersebut tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua ibu bapanya bahkan tetap mempunyai hak untuk hidup. Kajian Zulkifli Mohd, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Jamaluddin Hashim dan Asiah Bidin (2018) turut disoroti dalam satu artikel jurnal yang bertajuk **“Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keharusan anak luar nikah menjadi imam adalah lebih kuat dalam suasana semasa dan realiti masyarakat pada hari ini.

Abd. Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2017) dalam artikel jurnalnya berjudul **“Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa remaja dan ahli keluarga mereka boleh menerima kelahiran ATST dan bersifat positif tentang kepentingan menjaga anak tersebut. Kajian terakhir adalah merupakan penyelidikan daripada artikel jurnal oleh Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2016) bertajuk **“Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ibu merupakan orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada ATST, manakala pihak bapa tidak dikenakan apa-apa tindakan. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu masalah sosial ATST terhadap fatwa penamaan nasab kepada Abdullah secara khusus tidaklah

diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Manakala kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik.

Selain daripada itu juga, kajian ini mengadaptasikan persampelan bertujuan atau *purposive sampling* yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Babbie (2002), persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh yang demikian, seramai 12 sampel yang terdiri daripada seorang pakar psikologi, dua orang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja, empat orang ATST dan lima orang penjaga ATST dijadikan sampel utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST. Memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih sebagai sampel kajian atau yang berkemampuan boleh memberikan maklumat yang kaya, maka kaedah *snowball* digunakan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2008). Kaedah *snowball* di mana seorang partisipan atau satu latar akan memberikan petunjuk untuk memilih partisipan atau latar seterusnya (Othman Lebar 2017).

Konsep masalah sosial

Sebelum dihuraikan dengan lebih mendalam berkaitan dengan masalah sosial yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf, kajian ini memulakan dengan pendahuluan kepada maksud kefahaman bagi masalah sosial itu sendiri. Perkataan “masalah sosial” merupakan gabungan daripada dua patah perkataan iaitu “masalah” dan “sosial”. Kedua-dua perkataan ini juga turut membawa maksud yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), perkataan masalah ialah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Manakala perkataan sosial pula membawa maksud segala yang berkaitan dengan masyarakat. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa masalah sosial membawa erti sesuatu perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat khususnya kepada anak-anak tak sah taraf ini hasil daripada interaksi mereka dengan anggota masyarakat.

Takrifan ini disokong oleh Rehana Dzulaicha Jhon (2019) yang mana beliau turut mentakrifkan masalah sosial itu sebagai suatu ketidaksesuaian antara unsur-unsur kebudayaan atau masyarakat, yang membahayakan kehidupan kelompok sosial sehingga menyebabkan kepincangan ikatan sosial dalam warga kelompok sosial itu sendiri. Selain itu, istilah masalah sosial ini juga mempunyai pengertian yang luas dan ia bukan hanya mencakupi masalah kemasyarakatan (*society problems*) tetapi juga masalah yang berkaitan dengan gejala-gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat (*ameliorative or social problem*) (Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan & Haris Abd. Wahab 2013). Tallman dan McGee (1971) mentafsirkan masalah sosial sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota masyarakat.

Masalah Sosial ATST yang dinamakan kepada Abdullah

Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah rata-rata mengalami masalah sosial dalam kehidupan mereka. Kajian ini menghuraikan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan kepada 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden seperti dalam jadual 1.0 di bawah. Jadual ini diadaptasikan oleh Norizan Yusof (2016) dalam Jurnal Psikologi Malaysia bertajuk: "*Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*". Jadual ini turut diolah berpandukan kepada perbincangan kajian dan dimulai dengan pandangan umum sebelum dihuraikan dengan lebih terperinci dalam perbincangan seterusnya. Berikut adalah hasil dapatan secara umum bagi masalah sosial yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah:

BIL.	KOD SAMPEL	KATEGORI SAMPEL	MASALAH SOSIAL
1.	In1	Pakar Psikologi	/
2.	In2	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UKM	/
3.	In3	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UPM	/
4.	R1	Anak Tak Sah Taraf (1)	/
5.	R2	Anak Tak Sah Taraf (2)	/
6.	R3	Anak Tak Sah Taraf (3)	/
7.	R4	Anak Tak Sah Taraf (4)	/
8.	R5	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (1)	/
9.	R6	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (2)	/
10.	R7	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (3)	/
11.	R8	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (4)	/
12.	R9	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (5)	/

Jadual 1.0: Hasil Dapatan Umum bagi Masalah Sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah
(**Sumber:** Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Merujuk kepada jadual 1.0 di atas, kesemua 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden kajian bersetuju bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah mengalami masalah sosial. Empat kategori sampel di atas adalah merangkumi seorang pakar psikologi iaitu

mewakili In1, pakar psikiatri kanak-kanak & remaja UKM dan UPM seramai dua orang mewakili In2 dan In3, anak-anak tak sah taraf seramai empat orang bermula R1 hingga R4 dan penjaga-penjaga ATST pula seramai lima orang bermula dari R5 hingga R9. Kesemua mereka memberikan maklum balas negatif terhadap masalah sosial yang dihadapi oleh ATST walaupun daripada kategori gejala yang berbeza.

Hasil dapatan kajian bagi masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST kepada Abdullah menunjukkan terdapat empat jenis masalah yang telah dikenal pasti. Kesemua masalah sosial yang dimaksudkan ialah penyalahgunaan dadah, merokok, bergaduh dan buli. Kesemua masalah sosial yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah disokong dan diklasifikasikan sebagai masalah sosial oleh beberapa literatur lepas seperti "*Teks Komprehensif P.T.K. (Penilaian Tahap Kecekapan)*" oleh Mok Soon Sang (2005), kajian "*Permasalahan Sosial dalam kalangan Remaja: Satu Cabaran*" oleh Azizi Yahaya (2010) dan "*Isu-Isu Remaja Suka Melepak*" yang ditulis oleh penulis yang sama iaitu Azizi Yahaya (2011). Semua kategori di bawah masalah sosial diperincikan lagi dalam perbincangan ini seperti dalam jadual 1.1 di bawah:

BI L.	MASALAH SOSIAL	SAMPEL KAJIAN											JUMLAH SAMPEL YANG BERSETUJU	
		In 1	In 2	In 3	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	R 7	R 8		R 9
1.	Penyalahgunaan Dadah	/	/	/	/		/							5
2.	Merokok	/			/	/	/		/		/	/		7
3.	Bergaduh				/	/								2
4.	Buli	/				/								2

Jadual 1.1: Hasil Dapatan Khusus bagi Masalah Sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah
(Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan kesemua sampel bersetuju bahawa ATST mengalami masalah sosial akibat penamaan mereka kepada Abdullah. Walaupun setiap sampel tidak menyatakan kesemua masalah itu terkesan kepada ATST, namun masalah-masalah tersebut turut berada di bawah kategori masalah sosial. Merujuk kepada jadual di atas, masalah "merokok" merupakan masalah yang paling tinggi dipersetujui oleh sampel kajian ini dengan seramai tujuh orang daripada keseluruhan sampel iaitu seramai 12 orang mengakui bahawa ATST itu terkesan dengan penamaan nasab kepada Abdullah. Ia diikuti dengan masalah "penyalahgunaan dadah" yang merupakan masalah kedua tertinggi seramai lima orang. Manakala masalah terendah yang kurang memberikan masalah sosial kepada ATST ialah "bergaduh" dan "buli". Kajian ini turut memperincikan kesemua masalah sosial ini yang dihadapi oleh ATST atas sebab penamaan nasab mereka kepada Abdullah.

Masalah sosial yang kelima ialah "penyalahgunaan dadah". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), penyalahgunaan dapat diertikan sebagai perihal perbuatan dan sebagainya yang membawa maksud menyalahgunakan sesuatu. Manakala dadah pula ialah bahan seperti ganja, heroin, marijuana, dan sebagainya yang merosakkan atau membinasakan orang yang menggunakannya. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa penyalahgunaan dadah ini ialah perbuatan

mengambil apa sahaja jenis dadah secara sendiri atau *self-administration* dan menyimpang daripada kegunaan yang dibenarkan oleh bidang perubatan dan paten sosial dalam lingkungan sesuatu budaya (Norarshad Nordin 2021). Selalunya penyalahgunaan dadah ini adalah bertujuan untuk mengubah rasa hati pengguna, mengubah persepsi terhadap diri sendiri dan dunia sekelilingnya. Ia juga menghasilkan sensasi dan pengalaman baru dan memperhebatkan kemampuannya untuk berfungsi dalam sesetengah situasi seperti situasi seksual atau seks (Mohamad Johdi Salleh 2012).

Lima sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka menyalahgunakan dadah dan turut terjebak dalam pengedaran dadah. Hal ini terjadi kerana berlakunya tekanan emosi akibat pengenalan kepada identiti mereka yang tidak kukuh. Mereka berasakan bahawa dengan dadah ini dapat menghilangkan rasa *stress*, serabut dan kekusutan di kepala apabila kerap memikirkan tentang keclaruan identiti mereka. Menurut pakar psikologi juga, apabila pengambilan dadah ini berlaku, maka banyak perkara-perkara sosial yang tidak sihat dilakukan mereka seperti samun, lumba haram, seks wanita, bergaduh dan sebagainya. Dua sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh kesemua pakar yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka.

Sungguhpun penjaga ATST mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah sosial akibat kesan penamaan nasab yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala sosial yang dihadapi itu ialah penyalahgunaan dadah. Hal ini berkemungkinan kerana, pengambilan dan pengedaran dadah yang dilakukan oleh anak-anak jagaan mereka adalah berada di luar pengetahuan mereka dan memungkinkan mereka untuk mengetahuinya. Oleh kerana itulah masalah sosial iaitu penyalahgunaan dadah ini hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh ketiga-tiga pakar dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R3 dan In1:

R3: “*Of course* lah bila kita dah mendapat masalah serabut, masa tu pulak kita pulak bersama dengan kawan-kawan yang negatif yang mana mereka puncalah menyebabkan saya ambil dadah tapi dalam kos yang tidak terlalu banyaklah tapi tak pernah tertangkap lah. So saya memang pernah terlibat lah dengan dadah” (R3(1)I-26/4/22(2661-2663).

In1: “Tidak ada jati diri yang kukuh mereka akan mudah terjebak dalam gejala sosial termasuk hisap dadah, pengedaran dadah dan curi basikal kat sekolah” (In1(1)I-23/3/22(207-209).

Masalah sosial yang keenam ialah “merokok”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), merokok ialah merujuk kepada orang yang menghisap rokok dan ia tidaklah dikaitkan dengan meminum minuman keras. Ia merupakan satu kegiatan membakar gulungan tembakau, kemudian mengirupnya melalui rokok atau melalui pipa sehingga menimbulkan asap yang dapat dihirup oleh orang-orang yang ada di sekitarnya (Risa Ilmi Kumalasari 2019). Terdapat juga dalam literatur lepas yang mentakrifkan aktiviti merokok ini dengan menghisap sesuatu bahan berbentuk silinder kecil yang mengandungi *karbon monoksida*, *nikotin*, *tar* dan bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan perokok (Mahathir Yahaya, Noremy & Mohd Nazrie 2018). Ia berbahaya tidak kira sama ada diri sendiri yang merokok atau menyedut asap rokok

daripada perokok lain. Hal ini disebut sebagai *secondhand* atau *environmental tobacco smoke* (ETS) (Azillah Mohd Ali 2014).

Tujuh sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka terjebak dengan gejala merokok dan *vape*. Walaupun kecelaruan identiti pada penamaan nasab ATST itu bukanlah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya gejala merokok itu, namun ia tetap menjadi faktor yang mempengaruhinya. Hal ini adalah kerana, timbulnya rasa tidak peduli mereka kepada larangan keluarga akibat tekanan emosi yang dihadapi. Gejala ini berbeza dengan masalah dadah yang mana merokok ini turut juga diperakui sendiri oleh penjaga-penjaga ATST kerana berada di bawah pengetahuan mereka. Tiga sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh tiga orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikologi turut menyokong gejala sosial ini. Menurut R2, R5 dan In1:

R2: "Biasa saya pernah kanto merokok di tandas sekolah pastu cikgu panggil. Habis malu mak ayah sayalah. Ada sekali tu biasa panggil sebab tak pergi sekolah kerap sangat" (R2(1)I-18/4/22(2497-2498).

R5: "Dulu dia dah berjinak-jinak dengan motor, masa itu dia dalam tingkatan lima nak dekat SPM. Dia *stress* nak menghadap SPM, *stress* dengan situasi dia lagi, jadi dia ambil rokok. Kemudian saya dapat tangkap dan dapat tahu saya jumpa rokok dia dalam beg sekolah" (R5(1)I-11/9/21(1382-1383).

In1: "Bila berlaku kecederaan emosi, mereka mungkin melakukan perkara di luar kepada perkara yang tidak diingini. Misalnya bila dia mula memberontak, dia hisap rokok ke, balik lambat ke. Sebab dia marah dengan mak ayah dia. Dia akan mudah tertarik dengan gejala negatif tadi" (In1(1)I-23/3/22(100-102).

Masalah sosial yang ketujuh ialah "bergaduh". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), bergaduh ialah bermaksud berkelahi sama ada dengan bertumbuk, bertengkar saja atau sampai berbunuh-bunuhan antara satu dengan yang lain. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa bergaduh mahupun bertengkar itu adalah salah satu perilaku agresif yang secara nyata keberadaannya tidak diperbolehkan oleh agama (Meli & Yana 2018). Menurut literatur lepas juga bahawa, selalunya pertengkaran ini bermula daripada mengejek, mengolok-olok, mengancam, memukul, menendang dan sebagainya. Perilaku tersebut merupakan pelampiasan emosi di mana mereka kurang memiliki daya pengendalian diri yang kuat sehingga untuk kepuasan hatinya mereka menyerang orang lain (Ondawati 2019).

Dua sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka bergaduh dengan kawan-kawan. Menurut ATST bahawa keadaan ini sering berlaku apabila kawan-kawan mereka mengejek mereka dengan ejekan yang melibatkan hal penamaan nasab keturunan mereka. Namun begitu, pergaduhan yang berlaku tidaklah sampai kepada kecederaan serius antara mereka tetapi ia tetap mengundang kepada gejala sosial tersebut. Hal ini diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu dua orang ATST yang telah ditemu bual. Sungguhpun penjaga ATST dan pakar mengakui bahawa masalah sosial akibat kesan penamaan nasab yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala sosial yang dihadapi itu ialah pergaduhan yang berlaku. Hal ini kerana, gejala sosial iaitu bergaduh itu hanya dapat dikenal pasti

daripada mangsa keadaan sahaja dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R1 dan R2:

- R1: "Memukul tu tidak tetapi bergaduh tu dengan kawan-kawan tu selalu jugaklah. Kadang sebab diorang bermain nama keluarga, nama ayah. Mengejek sebab itu membuat saya rasa panaslah" (R1(1)I-15/4/22(2374-2382)).
R2: "Gaduh tu biasa-biasa ja abang. Tak lah sampai cedera parah. Buli tu selalulah. Kadang budak-budak tingkatan satu dengan dua selalu juga kena suruh dengan saya" (R2(1)I-18/4/22(2502-2503)).

Masalah sosial yang terakhir ialah "buli". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), buli ialah perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa buli ini ialah tingkah laku agresif di mana seorang atau satu kumpulan mengganggu seorang mangsa secara fizikal atau psikologi bagi satu jangka masa yang tertentu dan tingkah laku ini dilakukan berkali-kali (Nur Farayantie 2006). Selalunya buli ini juga dikenal pasti sebagai situasi serangan suatu pihak di mana penyerang lebih berkuasa dan mangsa pula jarang membalasnya atau berasa untuk membalas semula (Azizi Yahaya & Abdul Latif Ahmad 2005). Ia sering berlaku dalam kalangan remaja sekolah antara seorang murid dengan kumpulan yang lebih dominan.

Dua sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka dibuli di luar rumah. Kejadian ini selalu berlaku di sekolah apabila anak-anak ini diejek dengan penamaan mereka yang menonjolkan status mereka ATST. Menurut pakar psikologi bahawa, gejala buli ini mendorong ATST menjadi kemurungan dan akhirnya mengundang kepada masalah mental. Walaupun buli dalam kalangan pelajar merupakan perkara biasa yang sering didengari pada hari ini, namun ia berat kepada ATST kerana ia melibatkan maruah keturunan mereka. Salah satu sampel ini diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh pakar psikologi yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun penjaga ATST mengakui bahawa anak-anak di bawah jagaan mereka itu mengalami masalah sosial akibat kesan penamaan nasab yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala sosial yang dihadapi itu ialah sering dibuli. Hal ini berkemungkinan bahawa, masalah buli yang dihadapi oleh anak-anak jagaan mereka adalah di luar pengetahuan mereka dan memungkinkan mereka untuk mengetahuinya. Oleh kerana itu, gejala sosial iaitu sering membuli dan dibuli itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh pakar dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R2 dan In1:

- R2: "Buli tu selalu lah. Kadang budak-budak tingkatan satu dengan dua selalu juga kena suruh dengan saya" (R2(1)I-18/4/22(2502-2503)).
In1: "Mungkin ada kawan-kawan yang selalu ejek dan dia pulak berasakan itu satu perkara yang berat dan dia mendapat *depression* (kemurungan), dibuli, disisihkan. Orang ejek dia awak takda bapak, bapak tu bukan bapak kau dan sebagainya. Jadi buli memang satu faktor yang telah dikenal pasti yang boleh menyebabkan kemurungan dan masalah mental dalam kalangan kanak-kanak" (In1(1)I-23/3/22(190-192)).

Daripada keseluruhan gejala yang telah dihuraikan dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa anak-anak tak sah taraf ini tidak dapat lari daripada masalah sosial terhadap penamaan mereka kepada Abdullah. Ia memberikan kesan yang kurang menyenangkan kepada anak-anak ini seawal kanak-kanak dan semakin kritikal pada usia remaja mereka. Permasalahan yang timbul ini sedikit sebanyak sudah pastinya turut memberikan kesan terhadap fatwa penamaan nasab ATST. Sesungguhnya setiap fatwa yang dikeluarkan itu tidak lari dari landasan *maqasidnya* dan ia mestilah sentiasa meraikan kehendak syarak. Hal ini kerana, *maqasid* itu sendiri ialah tujuan dan makna yang telah digariskan oleh syarak dalam setiap perundangan sama ada secara umum atau khusus bagi memelihara kepentingan manusia (Al-Qaradawi 2000).

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapatlah difahami daripada kajian ini bahawa masalah sosial itu mempunyai pengertian yang luas dan ia bukan hanya mencakupi masalah kemasyarakatan (*society problems*) tetapi juga masalah yang berkaitan dengan gejala-gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat (*ameliorative or social problem*). Hasil dapatan kajian bagi masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST kepada Abdullah menunjukkan terdapat empat jenis masalah yang telah dikenal pasti. Kesemua masalah sosial yang dimaksudkan ialah penyalahgunaan dadah, merokok, bergaduh dan buli. Kesemua masalah sosial yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah disokong dan diklasifikasikan sebagai masalah sosial oleh beberapa literatur lepas. Walaupun kesemua gejala itu tidaklah dihadapi secara keseluruhannya oleh setiap ATST menurut 12 sampel yang ditemu bual pengkaji, namun ia turut memberikan kesan kepada mereka apabila penamaan nasab mereka digantikan dengan nama Abdullah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

BIBLIOGRAFI

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara. (2017). *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*. Retrieved from: [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- Abd. Ghani, A. & Nuarrual Hilal, M. D. (2016). *Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah*. Journal of Legal Studies. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Abd. Ghani, A. & Nuarrual Hilal, M. D. (2017). *Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah*. Journal of Legal Studies. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Al-Qaradawi, Y. (2000) *Nazariyat Maqasid Syari'at bayn Ibn Taymiyat wa Jamhur al-Usuliyin*. Universiti Kaherah.
- Azillah, M. A. (2014). *Merokok*. Artikel Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Azizi, Y. (2010). *Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran*. Kertas Kerja Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Azizi, Y. (2011). *Isu-Isu Remaja Suka Melepak*. Kertas kerja Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

- Azizi, Y. & Abdul Latif, A. (2005). *Persepsi Guru Dan Pelajar Terhadap Perlakuan Buli Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat*. Artikel Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12th ed. Belmont California, Wadsworth.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. n.d. Thousand Oask, CA, Sage.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Kamus Dewan Bahasa*. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahathir, Y., Noremy, M. A. & Mohd Nazrie, S. (2018). *Faktor Tingkah Laku Merokok dalam Kalangan Mahasiswa Universiti*. Jurnal Personalia Pelajar. 21(2): 37-44. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Meli. & Yana. (2018). *Menonton Film Anak Sholeh Sebagai Determinan Penurunan Perilaku Agresif Pada Anak TK Ar-Roihan Palembang*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Psikologi, UIN Raden Fatah Palembang.
- Mohamad Johdi, S. (2012). *Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. Artikel SAPKO: International Seminar on Community Development. Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- Mohd Mahyeddin, M. S., Nisar Mohammad, A. & Nur Mohammad Hadi, Z. (2018). *Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui "Baby Hatch": Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari'at dan Undang-Undang Malaysia*. Jurnal al-Majaalis. Sekolah Tinggi Dirasat Islamiyah Imam Syafi'i. Jawa Timur, Indonesia.
- Mok Soon Sang. (2005). *Teks Komprehensif P.T.K. (Penilaian Tahap Kecekapan)*. Editions Didier Millet: Kuala Lumpur.
- Muhammad Adam, A. A., Khadher, A., Mohd Khairul Nazrin, M. N. & Ishak, S. (2020). *Dinamika Tafsiran Teks Hadis al-Walad li al-Firasy wa li al-'Ahir al-Hajar dan Implikasinya Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. International Refereed Academic Journal in Hadis Sudies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Norarshad, Nordin. (2021). *Peranan Komuniti Setempat Dalam Memerangi Jenayah Sosial Di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, Malaysia*. Malaysian Journal of Tropical Geography. Vol. 47 No. 1&2. Universiti Malaya (UM).
- Norizan, Y. (2016). *Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Nur Faryantie, M. S. (2006). *Kajian Masalah Buli Pelajar di Sekolah Menengah*. (Postgraduate Thesis). Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Ondawati. (2019). *Upaya Menurunkan Perilaku Agresif melalui Pemberian Layanan Konseling Kelompok pada Siswa*. Jurnal Penelitian Pendidikan. Vol. 19 No. 1. Universitas Pendidikan Indonesia.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. n.d. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rehana Dzulaicha, J. (2019). *Permasalahan Sosial Budaya Orang Minangkabau dalam Novel Imam Karya Wisran Hadi (Tinjauan Sosiologi Sastra)*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas Padang.
- Risa Ilmi, K. (2019). *Perbedaan Tekanan Darah Antara Perokok Aktif dan Pasif Pada Pasangan Suami Istri di Desa Paringan, Kecamatan Jenangan, Ponorogo*. (Postgraduate Thesis). Program Studi Keperawatan. Universitas Muhammadiyah Ponorogo.

Symptoms Of Social Problems Regarding The Named Lineage Of Illegitimate Children To Abdullah: National Fatwa Analysis

- Tallman, I., dan McGee, R. (1971). *Definition of Social Problem*. Dalam Smigel, E. O. Eds. *Handbook on the Study of Social Problems*. Chicago: Rand McNaly and Company. Thousand Oaks, Sage Publication.
- Zulfikri, A. W., Yohan, K. & Haris, A. W. (2013). *Pengurusan Masalah Sosial yang Berlaku dalam Komuniti Pesisir di Kelantan*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS). Vol. 24 No. 1. Universiti Malaya (UM).
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Zulkifli, M., Engku Muhammad Tajuddin, E. A., Jamaluddin, H. & Asiah, B. (2018). *Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).